

# Unit Pusat Universiti adakan jelajah seluruh Sabah

NST 12.9.2017 2  
OLEH ROZZALIN HASHIM

**SANDAKAN:** Pendemokrasian pendidikan telah berjaya membuka akses lebih luas kepada semua golongan rakyat negara ini mendapat pendidikan dari peringkat rendah, menengah dan sehingga ke peringkat tinggi.

Inisiatif Unit Pusat Universiti (UPU) mengadakan jelajah ke seluruh Sabah dengan slogan 'Mari Masuk IPT' amat bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia memberi ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar lepasan SPM serta STPM untuk mendapatkan pendedahan dan maklumat mengenai tatacara memohon memasuki ke pusat pengajian tinggi tempatan di seluruh negara.

Program Jelajah UPU telah berakhir di daerah Sandakan dan perasmian penutupan disempurnakan oleh Ahli Parlimen Batu Sapi, Datuk Linda Tsen Thau Lin di Dewan SMK Merpati, dekat sini, Ahad lepas.

Lebih 1,000 pelajar dari sekolah menengah di sekitar sini menghadiri program tersebut sebagai hasrat mendapat maklumat dan pendedahan mengenai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading ambilan sesi akademik 2017 dan 2018.

Ketika berucap, Linda Tsen memuji usaha UPU kerana mengambil inisiatif yang terpuji dengan menjelajah untuk memasar dan memberikan pendedahan kepada para pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini.

Beliau menyeru semua pelajar sekolah menengah di daerah ini agar mengambil dan merebut peluang untuk berusaha mendapatkan tempat di mana-mana universiti dan kolej tempatan melalui UPU mengikut kesesuaian dan kelayakan masing-masing.

"Peluang juga terbuka luas kepada mereka yang sedang bekerjaya kerana diberi ruang untuk menyertai

program Pendidikan Sepanjang Hayat atau PSH melalui penerangan badan Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) dari Agensi Kelayakan Malaysia (MOA)," jelasnya.

Terdahulu, pihak Urusetia Program di Sandakan iaitu Rosdin Antong yang juga Ketua Unit Pengurusan Sekolah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sandakan melahirkan rasa puas hati kerana penyertaan pelajar dari daerah ini sangat menggalakkan.

Menurut beliau, minat yang ramai adalah petanda bahawa generasi hari ini begitu mencintai ilmu demi masa depan mereka.

Pada program berkenaan, beberapa buah universiti tempatan telah mengambil bahagian dalam usaha mempromosi bidang-bidang yang ditawarkan di pusat-pusat pengajian tersebut.

Antaranya Universiti Malaysia Sabah (UMS), Open Universiti Malaysia ( OUM), Universiti Sains



**PENGHARGAAN ....** Linda Tsen menerima risalah dan buku panduan UPU dari salah seorang peserta program itu.

Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Kebangsaan Malaysia ( UKM) dan Politeknik Sandakan.

Turut hadir ialah Ketua Penolong Pengarah UPU, Rahaidah; Abdul Sani Paijo dari Sektor Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah; Ramlan Jagah selaku Timbalan Pegawai PPD Sandakan dan para Pengetua serta Guru Besar termasuk YDP PIBG SMK Merpati, Haji Otoh Sibik Sahak Merpati dan ibubapa.